

REPORT 2008 / LAPORAN TAHUNAN 2008

ANN

27.50959522 PUS



PUSTAKA NEGERI SARAWAK



3 2000 001155941

Life-transforming ideas have always come through books

www.pustaka-sarawak.com

ANNUAL REPORTS 2008 / LAPORAN TAHUNAN 2008

CONTENTS / KANDUNGAN

- 1 About Us / Mengenai Kami
- 2 Message from the Chairman / Perutusan Pengerusi
- 4 Organizational Chart / Carta Organisasi
- 5 The Board of Management / Lembaga Pengurusan
- 7 The Management Staff / Pihak Pengurusan
- 8 Corporate Highlights / Pencapaian Korporat
- 23 Statistical Summary / Ringkasan Statistik
- 30 Financial Statements / Penyataan Laporan Kewangan
- 50 Staff Picture Gallery / Galeri Gambar Staf

PUSTAKA NEGERI SARAWAK (SARAWAK STATE LIBRARY)

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium,
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia.
Tel: 6 082 442000 | Fax: 6 082 449944



PUSTAKA MIRI (MIRI STATE LIBRARY)

Jalan Kipas, Miri City Fan,
98000 Miri, Sarawak, Malaysia.
Tel: 6 085 422525 | Fax: 6 085 414444

REPOSITORI REKOD NEGERI (STATE RECORD REPOSITORY)

Jalan Sultan Tengah,
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia.
Tel: 6 082 440488 | Fax: 6 082 440484

Email: librarian@sarawaknet.gov.my

Website: www.pustaka-sarawak.com



Vision / Visi

To be the reservoir and fountain of information and knowledge for the State.

Menjadi wadah maklumat dan pengetahuan kepada negeri Sarawak.



Mission / Misi

To provide access to information resources and to preserve Sarawak's intellectual heritage for the people of Sarawak.

Memberi capaian kepada sumber maklumat dan memelihara warisan intelek negeri Sarawak untuk masyarakat di Sarawak.

Objective / Objektif

To promote acculturation of knowledge in the State.

Menggalakkan pembudayaan ilmu pengetahuan di negeri Sarawak.



Target / Sasaran

To ensure all individuals in the State have ready and easy access to information and knowledge through Pustaka Negeri Sarawak.

Memastikan semua individu di Sarawak dapat mengakses maklumat dan pengetahuan melalui Pustaka Negeri Sarawak.



Message from the Chairman

The year 2008 was indeed a busy year for Pustaka. There were exceptionally many programs and activities conducted for all weeks of the community. The main focus was always to achieve our organizational goals. This has in one way or another helped us fulfill the vision and mission of the library which is to give access to information and knowledge to the people of Sarawak through the technologies and the relevant programs and activities that the library has propagated throughout the years.

The launching of village libraries in collaboration with National Library of Malaysia and the local government from the local community of Siburan, Skim Tunoh in Kapit and Lawas is evidence of how efforts were made to ensure folks in rural areas get connected and participated globally via the ICT facilitated village libraries. A record of 42 outreach programs were successfully conducted throughout Sarawak. Communities in Sebuyau, Beladin and Matu Daro, to name a few had benefited from the program. This again, brings to the forefront the efforts of Pustaka to bridge the digital divide in envisioning a Knowledge society.

One of the highlights of 2008 which I want to emphasise here is the success of the Blueprint for Sarawak's Information Management and Utilisation Workshop conducted on 2-3 December. This workshop organized by Pustaka, was another effort to study the current statewide Public Library structure/System in Sarawak. Some over 20 distinguished individuals from libraries, public sector and academia were invited to share on their views, expertise and experience. Discussions also entailed critical issues of importance to the public libraries in Sarawak; the challenges and rapid development to the information world among others were deliberated. At the end of the workshop a Blueprint for Sarawak Libraries emerged.

30th January 2008 marked another mile stone for Pustaka. It was certified with MS ISO 9001:2000. Although Pustaka's quality journey had already begun some 6 years back and quality culture has been observed and instilled upon its employees, there is still room for continuous improvement and this requires commitment from all sides: management and employees. Congratulations Pustaka!

On behalf of the Board, I am pleased to present this annual report.

Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo
Chairman of the Board of Management
Pustaka Negeri Sarawak

Perutusan Pengerusi



Tahun 2008 merupakan tahun yang amat sibuk bagi Pustaka. Berbagai jenis program serta aktiviti telah berjaya dilaksanakan. Kesemuanya bertujuan untuk menepati sasaran organisasi. Ini secara langsung ataupun tidak langsung telah membantu usaha kita untuk mencapai wawasan serta misi Pustaka, iaitu menyediakan capaian kepada maklumat dan pengetahuan untuk rakyat Sarawak melalui teknologi dan program serta aktiviti yang telah ditetapkan.

Perasmian perpustakaan-perpustakaan desa di daerah Siburan, Kapit dan Lawas, hasil kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia dengan pihak berkuasa tempatan, memperlihatkan usaha-usaha yang telah dijalankan untuk memastikan penduduk luar bandar dapat turut terlibat dalam arus globalisasi melalui perpustakaan desa berkemudahan ICT. Sebanyak 42 program jangkauan ilmu satu rekod baru telah berjaya dijalankan di seluruh Sarawak. Komuniti di Sebuyau, Beladin dan Matu Daro adalah di antara yang telah mendapat manfaat daripada program tersebut. Ini, sekali lagi memperlihatkan usaha-usaha Pustaka untuk merapatkan jurang digital bagi mencapai wawasan masyarakat berpengetahuan.


Antara pencapaian utama yang ingin saya tekankan di sini ialah kejayaan Bengkel "Blueprint for Sarawak's Information Management and Utilisation" yang telah diadakan pada 2 - 3 Disember 2008. Bengkel yang telah dianjurkan oleh Pustaka ini merupakan satu usaha untuk mengkaji struktur serta sistem perpustakaan awam sedia ada di seluruh Sarawak. Seramai 20 orang individu ternama dari perpustakaan, sektor swasta dan bidang akademik telah dijemput untuk berkongsi pendapat, kepakaran dan pengalaman. Perbincangan juga menyentuh isu-isu kritikal serta penting bagi perpustakaan awam di Sarawak dan cabaran serta arus perubahan dalam dunia maklumat. Bengkel tersebut telah berjaya menghasilkan cetakan biru yang bertajuk "Blueprint for Sarawak Libraries".

Pada 30 Januari 2008 Pustaka telah memperolehi satu lagi pencapaian penting. Pustaka telah dipersijilkan MS 9001:2000 pada tarikh berkenaan. Walaupun penerokaan kualiti Pustaka bermula enam tahun lepas dan budaya kualiti sentiasa diterap dan diamalkan di kalangan staf, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan berterusan yang memerlukan komitmen penuh semua pihak pengurusan dan kakitangan. Syabas Pustaka!

Sukacita saya kemukakan laporan tahunan ini untuk membentangkan prestasi serta pencapaian Pustaka Negeri Sarawak.

Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Buga
Pengerusi Lembaga Pengurusan
Pustaka Negeri Sarawak

Organizational Chart / Carta Organisasi





YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo
Chairman of the Board of Management Pustaka Negeri Sarawak
Pengerusi, Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak

YB Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani
Sarawak State Secretary
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak



YBhg. Prof. Dr. Abdul Rahman Deen
Senior Lecturer MARA University of Technology, Sarawak
Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA, Sarawak

Encik Sunny Si
Si & Associates
Advocates & Solicitors
Commissioner for Oath
Peguambela & Peguamcara
Pesuruhjaya Sumpah
Tetuan Si dan Rakan-Rakan





Encik Nicholas Patrick

Advisor

Ministry of Environment and Public Health

Penasihat

Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam



Cik Lucy Wong Mee Ling

Head, Business Development & Corporate

Communications

Sarawak Information Systems Sdn. Bhd

Pengurus Pembangunan Perniagaan

Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS)



YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar

Director General

National Library of Malaysia

Ketua Pengarah

Perpustakaan Negara Malaysia

The Management Staff / Pihak Pengurusan



Rashidah Haji Bolhassan
Chief Executive Officer
Ketua Pegawai Eksekutif



From left / *Dari kiri :*

Wan Mazli Wan Razali

(Head, ICT Division / *Ketua Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi*)

Japri Bujang Masli

(Head, Public Library Services Division / *Ketua Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan Awam*)

Hayati Sabil

(Regional Manager, Pustaka Miri / *Pengurus Wilayah, Pustaka Miri*)

Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad

(Head Technical Services Division / *Ketua Bahagian Perkhidmatan Teknikal*)

Paidi Amat Mokito

(Head, Corporate Management Division / *Ketua Bahagian Pengurusan Korporat*)

Rashidah Haji Bolhassan

(Chief Executive Officer / *Ketua Pegawai Eksekutif*)

Arpah Adenan

(Head, Depository Services Division / *Ketua Bahagian Perkhidmatan Depositori*)

Maurice Braoh

(Internal Auditor / *Juruaudit Dalam*)

Salina Zawawi

(Head, Information Services Division / *Bahagian Perkhidmatan Maklumat*)

Nesly Rebid

(Head, Research & Development Division / *Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan*)

Corporate Highlights / Pencapaian Korporat

SMS Broadcasting for promotional activities and membership reminders

Realising the importance of short messaging system (SMS), Pustaka launched a service called Pustaka on Phone (PoP) on the 25th January 2008. The service was launched by Pustaka Chairman, YBhg Tan Sri Datuk Amar Haji Hamid Bugu. PoP is another media for communicating with the users for effective service delivery to Pustaka's members and users such as new information resources / book, campaigns, information literacy classes, and seminars / talks. Not forgetting reminders for overdue books and memberships.



Aktiviti Promosi dan Kiriman Peringatan Melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)

Menyadari kepentingan khidmat pesanan ringkas (SMS), Pustaka telah melancarkan perkhidmatan yang dipanggil Pustaka on Phone (PoP) pada 25 Januari 2008. Pelancaran perkhidmatan berkenaan telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Amar Haji Hamid Bugu, Pengerusi Lembaga Pengurusan, Pustaka. PoP merupakan saluran komunikasi tambahan bagi penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada ahli dan pengguna Pustaka. Ia amat sesuai untuk pengiriman peringatan mengenai tarikh tamat tempoh pinjaman buku dan keahlian.



Web and Mobile Content Development

As part of becoming user centric, Pustaka upgraded its website where new features are made available for the users. Elements Web 2.0, such as blog, RSS feed, webcast and podcast are just some of the new highlights featured in it. For those who are on the move, they can access Pustaka website via mobile site at mobile.pustaka-sarawak.com.

Pembangunan Kandungan Laman Web

Untuk lebih akrab pengguna, Pustaka telah menaik taraf laman webnya dengan menyediakan ciri-ciri baru untuk kemudahan pengguna. Elemen-elemen Web 2.0 seperti blog, umpanan RSS, webcast and podcast adalah antara ciri-ciri baru yang telah dimuatkan. Bagi pengguna yang sentiasa sibuk dan sentiasa bergerak, laman web Pustaka boleh dicapai di tapak khas mobile. pustaka-sarawak.com.

MyKad as Membership Card

Pustaka acknowledged the importance of Malaysia's smart identification card, which is MyKad, by incorporating it as Pustaka's membership card beginning 1 November 2008. This is made possible because Pustaka's library management system (ANGKASA) is able to synchronize its data with MyKad's data and retrieve all necessary information from the database. Now, users would only have to show their MyKad in order to use Pustaka's services and register as member. This effort made Pustaka the first state library in Malaysia to implement MyKad as membership card.

Penggunaan MyKad Sebagai Kad Keahlian

Ciri-ciri canggih kad pengenalan pintar Malaysia, iaitu MyKad telah digunakan oleh Pustaka bila kad pintar tersebut digunakan sebagai kad keahlian mulai 1 November 2008. Usaha ini berjaya kerana sistem pengurusan perpustakaan Pustaka, ANGKASA dapat diserasikan dengan data MyKad serta berkeupayaan untuk mendapat semula maklumat yang perlu dari pangkalan data MyKad. Kini, pengguna hanya perlu mengemukakan MyKad untuk mendaftar sebagai ahli dan menikmati perkhidmatan Pustaka. Pustaka merupakan perpustakaan negeri yang pertama sekali menggunakan MyKad sebagai kad keahlian di Malaysia.

Ubiquitous Library Project with MCMC

Pustaka was chosen by Malaysian Communications and Multimedia Commissions (MCMC) to be one of the participants for the Ubiquitous Library Pilot Project (ULPP). The basic concept of "ubiquitous library" is the accessibility of library services and resources from anywhere at anytime. The Internet and the World Wide Web enable the transformation from the concept of "Ubiquitous Library" into a real "dynamic engine for the knowledge and information society."

Other pioneer participants for ULPP are:

- i. National Library of Malaysia (PNM)
- ii. INTAN Library, Bukit Kiara
- iii. Selangor State Public Library (PPAS)
- iv. Negeri Sembilan State Public Library (PPANS)
- v. Kuala Lumpur Library

Projek Perpustakaan 'Ubiquitous' SKMM

Pustaka telah dipilih oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai satu daripada peserta Projek Perintis Perpustakaan 'Ubiquitous'. Konsep teras perpustakaan 'ubiquitous' adalah capaian kepada perkhidmatan perpustakaan dari mana jua dan pada bila-bila masa. Internet dan World Wide Web telah membolehkan konsep perpustakaan ubiquitous ditransformasikan kepada enjin yang dinamik serta jitu bagi masyarakat yang berpengetahuan dan bermaklumat.

Perpustakaan-perpustakaan lain dalam projek perintis ini ialah:

- i. Perpustakaan Negara Malaysia
- ii. Perpustakaan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Bukit Kiara
- iii. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
- iv. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
- v. Perpustakaan Kuala Lumpur

Universal Service Provision (USP)

Internet access for the rural communities was being made possible with the deployment of Universal Service Provision (USP) project, which was funded by The Ministry of Energy, Water and Communication (MEWC) and Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC). In 2008, Perpustakaan Desa Kampung Pusa Tengah has successfully been upgraded with ICT's facilities, thanks to MCMC under the MCMC USP Broadband Library. With that, the total numbers of libraries involved in USP project in Sarawak are 182 libraries.

Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS)

Komuniti di luar bandar kini berpeluang untuk mengakses Internet dengan pelaksanaan projek Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS), yang dibiayai oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Pada tahun 2008, Perpustakaan Desa Kampung Tengah Pusa telah dinaik taraf dengan pemasangan kemudahan ICT. Kenaikan taraf ini telah berjaya dengan adanya projek Perpustakaan Jalur Lebar PPS SKMM. Dengan itu, jumlah perpustakaan yang terlibat dalam projek PPS di Sarawak adalah 182.

ImageSarawak

'ImageSarawak' is an initiative by Pustaka to preserve the pictorial records of Sarawak and to keep in digital format for future reference. The implementation of Picture of Sarawak Database will hope to be the hub for Sarawak pictorial memory for reference within Sarawak, Malaysia and abroad. The main objectives for Images of Sarawak are to establish Pictures of Sarawak Database which will be available online and to get community collaborations for Pustaka's efforts to enhance Sarawakiana's Collections.

ImageSarawak

'ImageSarawak' merupakan inisiatif Pustaka untuk memelihara dan menyimpan rekod-rekod bergambar mengenai Sarawak untuk kegunaan serta rujukan masa depan. Pengwujudan pangkalan data Pictures of Sarawak dijangka akan menjadi pusat memori bergambar Sarawak untuk rujukan pengguna di dalam Sarawak, Malaysia atau luar negara. Objektif utama 'ImageSarawak' adalah untuk mewujudkan pangkalan data Pictures of Sarawak yang dapat dicapai secara dalam talian dan untuk mendapat kerjasama masyarakat dalam pemeriharaan Koleksi Khas Sarawakiana.



State Knowledge Repository (CeRMIN)

CeRMIN is Common e-government Repository Managed and Information Netcommunity. In line with the Sarawak Government's vision for a knowledge-based public service, YAB Chief Minister launched a knowledge sharing system known as CeRMIN during the Sarawak Civil Service Day on 25 November 2008. CeRMIN, the Sarawak Government's knowledge sharing system, will enable SarawakNet users to share (i.e. contribute and seek) work-related and Government's non-secret information and knowledge in text, documents, graphics, audio and video formats. Pustaka plays an important role in CeRMIN as part of team of contributor and also responsible for verifying the metadata used in the system.

Repositori Pengetahuan Negeri (CeRMIN)

CeRMIN ialah singkatan bagi Common e-government Repository Management and Information Netcommunity. Selari dengan wawasan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang berteraskan pengetahuan, YAB Ketua Menteri Sarawak telah melancarkan sistem perkongsian pengetahuan yang dipanggil CeRMIN pada 25 November 2008. Melalui CeRMIN, pengguna SarawakNet dapat berkongsi, iaitu menyumbang dan mencari, maklumat serta pengetahuan bukan rahsia dalam bentuk teks, grafik, audio serta video yang berkaitan dengan kerja dan kerajaan. Dalam sistem CeRMIN, Pustaka memainkan peranan penting sebagai pasukan penyumbang dan pengesahan metadata.

Library Service Quality Survey for Pustaka Miri

This six-month project scheduled from June-December 2008 covers the services provided by Pustaka Miri, which is defined from three major aspects: information product, information system and information services. The objectives of the research were :

- * To assess the users' perceptions of the services provided by Pustaka Miri.
- * To assess the users' expectations (minimum and desired) of the services provided by Pustaka Miri.
- * To identify the gaps (adequacy and superiority) between the users' perceptions and expectations of the services provided by Pustaka Miri.

Final draft of the findings/report was presented to the Board by Principal Researcher on 12 December 2008.

Kajian Kualiti Perkhidmatan Perpustakaan untuk Pustaka Miri

Kajian enam bulan ini telah dilaksanakan pada bulan Jun hingga Disember 2008 di Pustaka Miri. Ia meliputi perkhidmatan - perkhidmatan di Pustaka Miri yang dikategorikan kepada tiga aspek utama, iaitu maklumat produk, maklumat sistem dan maklumat perkhidmatan. Penyelidikan ini dijalankan untuk :

- * *menilai persepsi pengguna terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh Pustaka Miri.*
- * *menilai ekspektasi (minimo dan yang dikehendaki) pengguna terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh Pustaka Miri dan*
- * *menganal pasti (kecukupan serta keberkesanan) di antara persepsi dan ekspektasi pengguna terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh Pustaka Miri.*

Deraf akhir laporan kajian tersebut telah dibentangkan oleh ketua penyelidik kepada Lembaga Pengurusan Pustaka pada 12 Disember 2008.

Study on the Current Statewide Public Library Structure / System - Blueprint for Sarawak's Information Management and Utilisation Workshop, 2 - 3 Dec 2008



This two-day workshop attended by over 20 distinguished individuals from libraries, public sector and academia to share views, expertise and experiences on the libraries, particularly in the public library sector. They brainstorm on the rapid changes occurring in the information world, and their impact on library services with the intention of helping public libraries in Sarawak to deal successfully with current and future trends and changes. The discussions also address other critical issues of great importance to the public libraries in Sarawak and to come up with a Blueprint for Sarawak Libraries. All findings, conclusions and recommendations will be used as inputs for a draft Blueprint to be presented to the government of Sarawak for consideration.

Kajian ke atas Struktur / Sistem Perpustakaan Awam Negeri – Bengkel Cetakan Biru Untuk Pengurusan dan Penggunaan Maklumat di Sarawak, 2 – 3 Disember 2008

Bengkel dua hari ini telah dihadiri oleh 20 orang peserta dari perpustakaan, sektor swasta dan akademik untuk berkongsi pandangan, kepakaran serta pengalaman dalam bidang perpustakaan, khususnya perpustakaan awam. Peserta telah mengadakan sesi pencambahan minda yang berkaitan dengan arus perubahan yang berlaku dalam dunia maklumat dan kesannya ke atas perkhidmatan perpustakaan, dengan harapan untuk membantu perpustakaan-perpustakaan awam di Sarawak dalam menghadapi kecenderungan serta perubahan terkini dan masa akan datang. Perbincangan juga berkisar kepada isu-isu yang kritikal dan penting bagi perpustakaan-perpustakaan awam di Sarawak dan untuk menghasilkan sebuah cetakan biru yang dipanggil 'Blueprint for Sarawak Libraries'. Hasil perbincangan, penemuan, kesimpulan serta syor-syor akan dijadikan input bagi draf cetakan biru yang akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan.

MS ISO 9001:2000

As part of an on-going quality effort, Pustaka was certified with the MS ISO 9001:2000 on 30 January 2008. A simple ceremony on 12 March 2008 at the Auditorium marked the official hand over of the MS ISO 9001:2000 certificate from the Deputy State Secretary, YBhg Datu Ghaffur Shariff to the Chief Executive Officer of Pustaka Negeri Sarawak, Puan Rashidah Haji Bolhassan.

MS ISO 9001:2000

Pustaka telah dipersijilkan MS ISO 9001:2000 pada 30 Januari 2008. Persijilan ini merupakan sebahagian dari usaha kualiti berterusan Pustaka. Satu majlis ringkas telah diadakan pada 12 Mac 2008 untuk menyempurnakan penyerahan rasmi sijil MS ISO9001:2000 oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, YBhg Datu Ghaffur Shariff, kepada Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka, Puan Rashidah Haji Bolhassan.



E-Pustaka Services in Sarikei

In early May 2008, e-Pustaka Sarikei commenced its inaugural services that served seven primary schools in Sarikei town district. The schools or service points were visited 15 times on average. During each visit, about four information literacy classes were conducted.

Perkhidmatan e-Pustaka di Sarikei

Pada awal Mei 2008, e-Pustaka Sarikei telah memulakan perkhidmatan ulungnya. Ia memberi perkhidmatan kepada 7 buah sekolah rendah di sekitar bandar Sarikei. Setiap sekolah atau pusat perkhidmatan, secara puratanya telah dikunjungi sebanyak 15 kali. Semasa setiap kunjungan, sebanyak 4 kelas literasi maklumat telah dijalankan.

Staff Development

- * Attachment program
- * Training of public libraries

Human Resource Development for Pustaka Staff

This Division ensures that the training given is geared towards the areas of knowledge and skills needed by the staff. The trainings that comprised of both generic and specific are in the form of induction, on job training, attachments, or attending workshops, conferences, seminars and professional talks. In our efforts to ensure that staff meet high performance standards or have the abilities to adequately perform their roles, the emphasis is on job-related training. Training is also given to the staff as a part of an overall professional development program.

Human Resource Development for Library Staff under the Local Authorities, including BDA and DBKU.

This statewide training program is made possible by the continuous allocation from the State government under the development fund. Pustaka, as the co-coordinator and administrator for the training fund, identify trainings, courses, seminars and workshops that highlight more on technical skills, which are specifically, relate to the general tasks, or functions, and responsibilities of the library staff. The training is given to enhance the staff's knowledge of information resources, access, technology and library management, so that this knowledge can be applied as a basis for providing high quality information services.

Pembangunan Staf

- * Program Sangkutan
- * Latihan Untuk Perpustakaan-Perpustakaan Awam

Pembangunan Sumber Manusia Bagi Kakitangan Pustaka Negeri Sarawak

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia memastikan latihan-latihan yang disediakan adalah selaras dengan keperluan pengetahuan dan kemahiran staf. Latihan-latihan umum serta khusus yang diberi adalah dalam bentuk kursus induksi, latihan dalam perkhidmatan, program sangkutan, persidangan, seminar dan taklimat. Bagi memastikan kakitangan dapat mencapai mutu perkhidmatan yang tinggi serta berkeupayaan untuk memainkan peranan mereka dengan baik, maka tumpuan adalah terhadap latihan dalam perkhidmatan atau latihan semasa berkerja. Latihan juga diberi sebagai sebahagian daripada program pembangunan profesionalisma dalam jabatan.

Pembangunan Sumber Manusia Bagi Kakitangan Perpustakaan Pihak Berkuasa Tempatan

Dengan adanya peruntukan berterusan dari dana pembangunan Kerajaan Negeri, program pembangunan sumber manusia bagi perpustakaan awam seluruh negeri dapat dilaksanakan. Pustaka, sebagai penyelar dan pentadbir peruntukan dana latihan, mengenal pasti latihan, kursus, seminar dan bengkel yang menengahkan kemahiran teknikal yang bertepatan dengan tugas, fungsi serta tanggung jawab kakitangan perpustakaan. Latihan yang diberi bertujuan untuk memperkasakan pengetahuan kakitangan mengenai sumber, capaian dan teknologi serta pengurusan perpustakaan supaya pengetahuan tersebut dapat diaplikasikan sebagai asas untuk mencapai perkhidmatan maklumat yang berkualiti tinggi.



18th Public Libraries of Malaysia Sport Carnival 2008 SPASM 2008

Pustaka Negeri Sarawak joined the 18th Public Libraries of Malaysia Sport Carnival in Terengganu from 5-19 July 2008. Sixteen (16) contingents from libraries all over Malaysia participated in the event. Pustaka Negeri came in second place.

Sukan Perpustakaan Awam SeMalaysia (SPASM) ke-18, 2008

Pustaka Negeri Sarawak mengambil bahagian dalam Sukan Perpustakaan Awam SeMalaysia (SPASM) ke-18 di Terengganu pada 5 - 19 Julai 2008. Enam belas kontinjen dari perpustakaan - perpustakaan seluruh Malaysia menyertai karnival sukan ini. Pustaka Negeri Sarawak muncul Naib Juara dalam karnival sukan tersebut.

Quality Initiatives

Prodigy 6, one of Pustaka Negeri Sarawak's Kumpulan Mutu Kerja (KMK) or Innovative and Creative Circle (ICC) teams, became the first to represent the library in the National ICC Convention 2008 which was held at a prestigious hotel in Petaling Jaya Selangor on 19-21 August 2008. The team presented their inaugural project entitled "Printing Wastage at Pustaka Miri's Multimedia Gallery". The team was chosen and invited to participate in the national level after they won Gold Award in the Sabah / Sarawak Zone ICC Convention 2008 held in Kuching last July.



Inisiatif Kualiti

Prodigy 6, satu daripada Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) atau Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Pustaka Negeri Sarawak, merupakan kumpulan yang pertama sekali mewakili perpustakaan dalam konvensyen KIK kebangsaan. Di Konvensyen KIK Kebangsaan 2008 yang telah diadakan di sebuah hotel ternama di Petaling Jaya, Selangor, kumpulan ini telah membentangkan projek yang bertajuk "Pembaziran Cetakan di Multimedia Galeri Pustaka Miri". Kumpulan ini telah dipilih untuk menyertai konvensyen di peringkat kebangsaan kerana telah memenangi Anugerah Emas dalam Konvensyen KIK Zon Sabah/Sarawak 2008, yang telah diadakan di Kuching pada bulan Julai 2008.



1st National ICC Convention For Libraries

The 1st National ICC Convention For Libraries 2008 was initiated by Pustaka Negeri Sarawak in collaboration with Malaysia Productivity Corporation (MPC). The convention took place from 3-4 November 2008 at Hilton Hotel Kuching. A total of 14 ICC groups from libraries throughout Malaysia participated in this convention and was officiated by YBhg. Dato' Nik Zainiah Nik Abdul Rahman, Director General of Malaysia Productivity Corporation (MPC). YB Datuk Patinggi Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, Deputy Chief Minister cum State Minister of Industrial Development and Minister of Modernisation of Agriculture and YB Datuk Amar Wilson Baya Dandot, Sarawak State Secretary were guests of honour during the dinner and award giving ceremony on 4 November 2008.

Konvensyen KIK Kebangsaan Untuk Perpustakaan

Konvensyen KIK Kebangsaan Untuk Perpustakaan yang pertama telah diusahakan bersama oleh Pustaka Negeri Sarawak dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (PPM). Konvensyen ini telah diadakan di Hilton Hotel, Kuching pada 3 - 4 November 2008. Seramai 14 buah kumpulan ICC dari perpustakaan seluruh Malaysia telah mengambil bahagian dalam konvensyen ini. Perasmiannya telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nik Zainiah Nik Abdul Rahman, Ketua Pengarah PPM, YB Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian dan Menteri Pemodenan Pertanian Sarawak, dan YB Datuk Amar Wilson Baya Dandot, Setiausaha Kerajaan Negeri adalah tetamu kehormat majlis makan malam dan majlis penyampai anugerah yang telah diadakan pada 4 November 2008.

Pustaka's Quality Day was held on 24th November 2008. Among the activities conducted were:

- * Telematch (in collaboration with Pustaka's Sports and Recreational Club).
- * Motivational Talk for all Pustaka's staff.
- * 5S Spring Cleaning
- * Prize giving Ceremony to staff under the following categories: - Officer who sent the most suggestions on quality - Mr. Henry Leo Lee Kuang
- * Prodigy 6 of Pustaka Miri who won Anugerah Emas at the ICC Convention for Sarawak and Sabah region on 1 - 2 July, 2008 and also won the Anugerah Emas 2 Bintang at the National ICC Convention on 19 - 21 August, 2008.

YB Datuk Amar Wilson Baya Dandot gave away the prizes with Encik Abdul Latiff bin Abu Seman, Director of Malaysia Productivity Corporation (MPC) Sarawak, in attendance.



Hari Kualiti Pustaka telah diadakan pada 24 November 2008. Antara aktiviti yang telah diadakan pada hari tersebut adalah

- * Sukaneka, yang telah diadakan dengan kerjasama Kelab Sukan dan Rekreasi Pustaka Negeri Sarawak
- * Taklimat motivasi untuk semua kakitangan Pustaka
- * Gotong royong 5S
- * Majlis penyampaian hadiah bagi kakitangan yang banyak mengemukakan cadangan kualiti - Encik Henry Leo Lee Kuang
- * Pemenang Anugerah Emas, Konvensyen KIK Zon Sabah-Sarawak 2008 yang telah diadakan pada 1 - 2 Julai 2008 dan Pemenang Anugerah Emas 2 Bintang, Konvensyen KIK Kebangsaan yang telah diadakan pada 19 - 21 Ogos 2008 - Kumpulan Prodigy 6.

Hadiah telah disampaikan oleh YB Datuk Amar Wilson Baya Dandot dan disaksikan oleh Encik Abdul Latiff bin Abu Seman, Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (PPM).

Highlights of 2008



School Adoption Program – SMK Matu, Matu : “Diak telow Berambeh Gitow di Program Ilmu”

“Diak Telow Berambeh Gitow di Program Ilmu” in SMK Matu is one of the partnership programs in Pustaka that aims to encourage life long learning culture amongst students. As the recipient of the school adoption program, SMK Matu benefit from the services provided by Pustaka through bulk loan, information literacy skills classes and Born to Read workshop. Teachers and students were also taught how to manage their collection and resource room. The activities were held on 12 June 2008 and officiated by YB Encik Abu Seman Jahwie (Assemblyman for N38 Jemoreng).

Program Sekolah Angkat – SMK, Matu : “Diak telow Berambeh Gitow di Program Ilmu”

“Diak Telow Berambeh Gitow di Program Ilmu” di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Matu, merupakan satu daripada program kerjasama Pustaka yang bertujuan untuk menggalak budaya belajar sepanjang hayat di kalangan pelajar. Sebagai sekolah angkat, SMK Matu menerima perkhidmatan seperti pinjaman buku berkelompok, kelas literasi maklumat dan Bengkel Bacalah Si Manja. Tenaga pengajar dan pelajar sekolah berkenaan juga turut dilatih cara-cara mengurus koleksi dan bilik sumber sekolah. Program yang telah diadakan pada 12 Jun 2008 ini telah dirasmikan oleh YB Encik Abu Seman Jahwie, Ahli Dewan Undangan Negeri N. 38 Jemoreng.

Knowledge Camp 2008 Kuching

Knowledge Camp 2008 @ Kuching was held at Pustaka Negeri Sarawak’s courtyard from 24 – 25 May 2008. The target group for this year was students from 9-12 years old. Around 60 students participated in the camp. The students were exposed to programs that encouraged children to use the library services, life long learning and team work.



Perkemahan Ilmu 2008 Kuching

Perkemahan Ilmu 2008 @ Kuching telah diadakan di perkarangan Pustaka Negeri Sarawak pada 24 – 25 Mei 2008. Kumpulan sasaran program ini terdiri daripada pelajar yang berumur 9 – 12 tahun. Seramai 60 orang pelajar telah mengambil bahagian dalam perkhemahan tersebut. Semasa perkhemahan, peserta telah didedahkan kepada program-program yang menggalakkan penggunaan perpustakaan, pembelajaran sepanjang hayat dan kerjasama kumpulan.



Miri

A total of 34 students from various secondary schools around Miri City participated in Pustaka Miri’s Knowledge Camp in July 2008. The three day program saw various activities being organized including information literacy workshop, information hunt, book review, public speaking and talent show.

Miri

Seramai 34 orang pelajar dari sekolah menengah sekitar bandaraya Miri telah mengambil bahagian dalam Perkemahan Ilmu Pustaka Miri pada bulan Julai 2008. Semasa program tiga hari ini, berbagai aktiviti telah dilaksanakan. Antaranya, bengkel literasi maklumat, penerokaan maklumat, ulasan buku, perucapan awam dan pertunjukan bakat.



Sarawakiana Talk with Sarawak Heritage Society

The Sarawakiana Talk joint program between Pustaka Negeri Sarawak and Sarawak Heritage Society aims to create awareness and to educate public at large on the preservation of our heritage and cultural heritage conservation activities. The program consisted of two lectures held at Pustaka, heritage trail, heritage conservation case study and site to the Old Kuching Courthouse which was facilitated by Mr Mike Boon, Vice President of Sarawak Heritage Society.

Bicara Sarawakiana

Bicara Sarawakiana merupakan program usahasama Pustaka dengan Sarawak Heritage Society yang bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran serta mendidik orang awam mengenai aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya Sarawak. Pengisian program merangkumi dua syarahan, jelajah warisan dan kajian pemuliharaan warisan ke atas bangunan Malkamah Lama Kuching yang dikendalikan oleh Encik Mike Boon, Timbalan Presiden Sarawak Heritage Society.

Lincoln Corner Pustaka Negeri Digital Video Conferencing (DVC) Sessions

Environmental Protection and Indigenous Culture in the Age of Climate Change, 22 March 2008. This first DVC session of the year was jointly organized by Lincoln Corner Pustaka Negeri, US Embassy Kuala Lumpur and AZAM. The DVC was a great opportunity to get students to discuss environmental issues and discover how they can make a difference in their communities.



Sesi Sidang Video Digital Lincoln Corner Pustaka Negeri Sarawak

Environmental Protection and Indigenous Culture in the Age of Climate Change, 22 March 2008.

Sesi pertama tahun 2008 ini merupakan anjuran bersama Lincoln Corner Pustaka Negeri Sarawak, Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dan Angkatan Zaman Mansang (AZAM). Sidang video berkenaan membuka peluang kepada para pelajar untuk berbincang mengenai isu-isu alam sekitar dan pendekatan bagi menangannya.



US-Malaysia Relations, 30 June 2009

The second DVC session was done between the US Ambassador to Malaysia, the Honorable James R. Keith with panelists and audiences at the Lincoln Corners in Sarawak, Sabah and Kedah. The discussion was on bilateral relations between Malaysia and the United States.

Hubungan Amerika Syarikat – Malaysia, 30 Jun 2008

Sesi kedua ini telah diadakan di antara Duta Amerika Syarikat di Malaysia, iaitu Yang Arif Encik James R. Keith dengan ahli-ahli panel serta penonton di Lincoln Corner Sarawak, Sabah dan Kedah. Perbincangan utamanya adalah mengenai hubungan dua hala di antara Malaysia dan Amerika Syarikat.



Setting up of SK Long Bedian Library

Two librarians from Pustaka Miri endured a six-hour grueling journey to Long Bedian in Baram on 2 March 2008 to assist in the setting of SK Long Bedian's school library. The project was a cooperation with Petronas Resource Centre (PRECISE) led by Azahar Mohd. Noor. This cooperation was to assist in book cataloguing, information data entry and processing the school's library collection. The library opening was officiated by Deputy Chief Minister, Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu.

Penubuhan Perpustakaan Sekolah Kebangsaan Long Bedian

Dua orang pustakawan dari Pustaka Miri telah meredah perjalanan mencabar selama enam jam ke Long Bedian, Baram pada 2 Mac 2008, semata-mata untuk membantu dalam penubuhan Perpustakaan Sekolah Kebangsaan (SK) Long Bedian. Penubuhan perpustakaan sekolah berkenaan merupakan projek usahasama dengan Pusat Sumber Petronas (PRECISE), yang diketuai oleh Encik Azahar Mohamad Noor. Projek ini meliputi pengkatalogan buku, penginputan data dan pemprosesan koleksi perpustakaan. Ia telah dilancarkan dengan rasminya oleh YAB Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu.

Chinese Brush Painting and Calligraphy Exhibition

The Exhibition held from 15 May-15 June 2008 was collaboration with Tahan-Tang Art Studio as part of the activities during Miri May Fest 2008. The painting exhibition featured mainly the works of Master Voon Nam Kwong, an internationally famous traditional Chinese brush painting artist from Miri and works of his students. The opening ceremony was officiated by YB Datin Fatimah Abdullah, Assistant Minister in the Chief Minister's Department and Assistant Minister of Agriculture.



Pameran Seni Lukisan Berus dan Kaligrafi Cina

Pameran tersebut telah diadakan pada 15 Mei hingga 15 Jun 2008 dengan kerjasama Tahan-Tang Art Studio, sebagai sebahagian daripada aktiviti Pesta Bulan Mei, Miri 2008. Hasil karya Master Voon Nam Kwong, seorang pelukis seni lukisan berus cina dari Miri yang terkenal di dunia, dan karya pelajarannya telah dipamerkan. Ia telah dirasmikan oleh YB Datin Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri dan Menteri Muda Pertanian Sarawak.



Miri City Orchestra and Choir Concert 2008

Pustaka Miri Sports and Recreation Club (KSR) organized Miri City Orchestra & Choir Concert 2008 on 18 May 2008 at the library's Auditorium starting from 7.30pm. The concert was presented by Miri Orchestra and Choir Conductor Society (MOCS). The opening declaration was completed by Deputy Chief Minister Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam and was deputized by Assistant Minister of Infrastructure and Communication YB Dr. Lee Kim Shin.

Konsert Orkestra dan Koir Bandaraya Miri 2008

Kelab Sukan dan Rekreasi Pustaka Miri telah menganjurkan Konsert Orkestra dan Koir Bandaraya Miri 2008 pada 18 Mei 2008. Penonton telah disajikan dengan persembahan dari Miri Orchestra and Choir Conductor Society (MOCS) konsert tersebut. Ia telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Hong Nam, yang diwakili oleh YB Dr. Lee Kim Shin, Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak.



Malaysia's First Astronaut in Pustaka Negeri Sarawak

The first Malaysian in space - Dr Sheikh Muszaphar Shukor was in Miri on 27 May 2008 and Kuching from 28-29 May 2008 for a motivational program for students. The program was aimed to encourage the acculturation of knowledge among school children. Around 1,200 persons attended the program in Miri Civic Center and another 6,000 participated in the Indoor Stadium in Kuching.



Program Bersama Angkasawan Negara Pertama

Dr Sheikh Muszaphar Shukor - Angkasawan Negara Pertama telah mengendalikan program motivasi untuk pelajar di Miri pada 27 Mei 2008 dan Kuching pada 28 - 29 Mei 2008. Program usahasama ini bertujuan untuk memupuk pembudayaan pengetahuan di kalangan pelajar sekolah. Seramai 1,200 orang telah menghadiri program berkenaan di Dewan Suarah Miri, sementara 6,000 orang mengambil bahagian dalam program serupa di Stadium Perpaduan Kuching.

Local Culture Heritage Competition

Six secondary schools in Miri City took part in the 'Local Culture Heritage' Competition organized by Pustaka Miri from July to September 2008. The participants used their creativity as well as applying what they learnt during the ILS session that was conducted beforehand. They were guided in information search through relevant resources, plan, compile, analyze, interpret, synthesize, summarize and record the information they have gathered from printed and non-printed materials. The prize ceremony was graced by State Assemblyman for Pujut, Andy Chia who deputized for the Deputy Chief Minister Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam at the Auditorium on Wednesday, 22 October 2008.

Pertandingan Warisan Budaya Tempatan

Enam buah sekolah menengah di Bandaraya Miri telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Warisan Budaya Tempatan yang diadakan pada bulan Julai hingga September 2008. Semasa pertandingan, para peserta telah menggunakan kreativiti masing-masing, selain daripada mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dari sesi Kemahiran Literasi Maklumat, yang telah diadakan sebelum itu. Peserta diberi bimbingan semasa mencari maklumat melalui sumber-sumber yang relevan, menyusun, menganalisa, menerap, meringkas serta merekod maklumat yang diperolehi dari bahan-bahan bercetak dan bukan bercetak. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Hong Nam, yang diwakili oleh YB Encik Andy Chia Chu Fatt, Ahli Dewan Undangan Negeri N. 64 Pujut pada 22 Oktober 2008.



Outreach Programs

In 2008, 42 outreach programs were successfully conducted in four batches throughout Sarawak, at ICT facilitated public libraries, including village libraries. Each program was attended by 10 to 30 participants and consisted of students, teenagers, housewives, community members and government servants, especially teachers. The programs were successfully completed in Bau, Kuching, Padawan, Serian, Samarahan, Simunjan, Sebuyau, Beladin, Sarikei, Sibu, Matu, Daro, Limbang and Lawas. The activities included were information literacy class for library users and consultation and training on the handling of reading campaign activities for library staff.



Program Jangkauan Ilmu

Dalam tahun 2008, sebanyak 42 program jangkauan ilmu telah berjaya dijalankan. Program ini yang dibahagikan kepada 4 siri telah dilaksanakan di perpustakaan-perpustakaan awam, termasuk perpustakaan desa berkemudahan ICT di seluruh Sarawak. Setiap sesi program telah dihadiri oleh 10 - 30 orang peserta. Kebanyakan peserta adalah pelajar, remaja, suri rumah, ahli komuniti dan kakitangan kerajaan, terutama sekali guru sekolah. Program ini telah berjaya diadakan di Bau, Kuching, Padawan, Serian, Samarahan, Simunjan, Sebuyau, Beladin, Sarikei, Sibu, Matu, Daro, Limbang and Lawas. Aktiviti-aktiviti yang diadakan semasa program adalah kelas literasi maklumat berasaskan ICT untuk pengguna perpustakaan dan khidmat nasihat dan latihan yang berkaitan dengan pengendalian aktiviti galakan membaca untuk staf perpustakaan.

IIA Malaysia Donates Books to Pustaka

Institute of Internal Auditors (IIA) Malaysia handed over internal audit publications worth RM2,000 to Pustaka Negeri Sarawak on 5 April 2008. It was the second generous contribution made by IIA to the library.

Sumbangan Buku Institut Audit Dalaman Malaysia Kepada Pustaka Negeri Sarawak

Institut Audit Dalaman Malaysia telah menyumbang bahan-bahan penerbitan mengenai audit dalam yang bernilai RM2,000 kepada Pustaka Negeri Sarawak pada 5 April 2008. Ini merupakan sumbang ikhlas kedua institut berkenaan kepada perpustakaan.

Exhibition on Contemporary Picture Book Illustrations from Germany and Malaysia

